

# KAD URUSAN PERJALANAN APEC (KUPA)

## Pengenalan

Kad Urusan Perjalanan APEC (KUPA) adalah satu dokumen jenis kad yang diberikan kepada mereka yang dikategorikan sebagai peniaga.

Kad berkenaan digunakan sebagai kemudahan kemasukan pemegang kad semasa masuk ke negara-negara yang termasuk di dalam skim kad urusan perjalanan APEC tanpa visa berulang kali dan melalui aluan khas ABTC bagi tujuan perniagaan.

Pemegang kad KUPA adalah masih lagi dikehendaki untuk mempunyai dokumen perjalanan yang sah semasa keluar masuk sesebuah negara ahli. Tempoh sah laku kad berkenaan adalah tiga (3) tahun.

Senarai negara-negara yang terlibat adalah;

Australia	Brunei Darussalam	Chile	China	Hongkong
Indonesia	Japan	Korea	Malaysia	Mexico
New Zealand	Papua New Guinea	Peru	Russia	Philippines
Singapore	Taiwan	Thailand	Vietnam	

## Permohonan bagi Kad Urusan Perjalanan APEC (KUPA)

### a) Kelayakan bagi memohon KUPA

Kelayakan bagi mendapatkan KUPA adalah berikut:

- ➔ Terdiri dari warganegara Brunei Darussalam
- ➔ Pemegang dokumen perjalanan yang sah dikeluarkan oleh Negara Brunei Darussalam (tempoh sah laku hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun semasa membuat permohonan)
- ➔ Mempunyai surat sokongan daripada:
  - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan atau;
  - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama atau;
  - Pertubuhan-pertubuhan perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

### b) Dokumen-dokumen yang diperlukan semasa memohon

Dokumen-dokumen yang perlukan semasa membuat permohonan;

- ➔ Borang Permohonan KUPA
- ➔ Surat sokongan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan atau Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama atau Pertubuhan-pertubuhan perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam (Asal dan Salinan)
- ➔ Gambar terkini ukuran pasport
- ➔ Dokumen perjalanan pemohon (Asal dan Salinan)
- ➔ Bayaran adalah BND\$100.00

### c) Membaharui KUPA

Tempoh sah laku KUPA adalah tiga (3) tahun. Bagi pemegang yang berhasrat untuk membaharui kad berkenaan hendaklah menyertakan bersama dokumen-dokumen yang dinyatakan pada perenggan (b) di atas.

### d) Kehilangan KUPA

Pemohon yang berhajat untuk membaharui kad yang hilang hendaklah membawa;

- ➔ Borang Permohonan KUPA
- ➔ Laporan polis keluaran Negara Brunei Darussalam (Asal dan Salinan)  
**Nota: perkara ini termasuklah bagi mereka yang kehilangan kad di luar negeri**
- ➔ Laporan polis luar negeri, jika hilang di luar negeri (Asal dan Salinan)
- ➔ Gambar terkini ukuran pasport
- ➔ Dokumen perjalanan pemohon (Asal dan Salinan)
- ➔ Bayaran adalah BND\$100.00

## Maklumat Tambahan

### i) Tempat permohonan KUPA

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA** : Ibu Pejabat  
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan  
Bahagian Visa, Lawatan dan Diplomatik  
Jalan Menteri Besar BB3910  
Brunei Darussalam  
Tel: 2383106

### j) Waktu permohonan KUPA

**ISNIN- KHAMIS SABTU** : 7:30 pagi hingga 3:30 petang

**JUMAAT DAN AHAD** : Tutup

### k) Tekad Pemedulian Orang Ramai

Sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.

Walaubagaimanapun, permohonan KUPA akan mengambil masa sehingga setahun (1) tahun memandangkan proses kebenaran (*pre-clearance*) yang diperlukan oleh kesemua ahli skim KUPA.